BSN eWallet

Soalan-soalan Lazim

ISI KANDUNGAN

1. UMUM 2

2. Halaman Utama 6

3. BSNSecure 7

4. Fungsi Kad 8

5. Ganjaran 9

6. Akaun BSN eWallet 10

7. Lain-lain 11

1. UMUM

1.1. Aplikasi & Peranti

1. **Apakah itu BSN eWallet?**
   BSN eWallet ialah aplikasi mudah alih dompet digital yang disediakan oleh BSN untuk menyediakan pengalaman yang lancar dan selamat bagi Ahli Kad BSN. Aplikasi ini membolehkan anda untuk menguruskan Kad BSN, mengesahkan pembayaran dalam talian dengan lancar melalui BSNSecure, menikmati ganjaran eksklusif, serta mengakses promosi dan tawaran istimewa, semuanya dalam satu tempat.

2. **Siapakah yang boleh memuat turun dan menggunakan BSN eWallet?**
   Semua individu yang mempunyai ID Perbankan Internet myBSN boleh memuat turun dan menggunakan BSN eWallet dengan nama pengguna dan kata laluan myBSN sedia ada mereka. Jika anda belum menjadi pelanggan BSN, anda juga boleh menggunakan aplikasi ini dengan mendaftar akaun myBSN secara terus melalui aplikasi mudah alih.

3. **Adakah sebarang caj dikenakan untuk menggunakan BSN eWallet?**
   Tidak. Aplikasi BSN eWallet boleh dimuat turun dan digunakan secara percuma. Anda boleh mendaftar serta menikmati pelbagai kemudahan dan fungsi yang disediakan tanpa sebarang yuran pendaftaran, yuran langganan atau caj penggunaan aplikasi.

4. **Bolehkah saya mempunyai kedua-dua aplikasi mudah alih myBSN dan aplikasi mudah alih BSN eWallet yang baharu pada telefon pintar saya?**
   Anda boleh menggunakan kedua-dua aplikasi pada telefon pintar yang sama. Setiap aplikasi mempunyai fungsi yang berbeza dan saling melengkapi untuk memberikan pengalaman perbankan dan transaksi digital yang lebih mudah dan lancar.

5. **Adakah aplikasi mudah alih myBSN sama dengan BSN eWallet?**
   Aplikasi mudah alih myBSN dan BSN eWallet mempunyai tujuan yang berbeza, masing-masing direka untuk meningkatkan pengalaman perbankan anda dengan cara yang menarik.

   Aplikasi Mudah Alih myBSN menyediakan kemudahan untuk menguruskan perbankan harian anda. Log masuk untuk menyemak baki akaun, melakukan pemindahan DuitNow, dan menjelaskan pembayaran Kad Kredit, pembiayaan, atau pinjaman BSN anda dengan mudah.

   BSN eWallet ialah aplikasi berasaskan gaya hidup yang selamat, direka untuk melengkapkan keperluan harian anda melalui Kad BSN. Ia menawarkan pelbagai ciri menarik termasuk perkhidmatan berkaitan kad, gamifikasi, Program *Happy Rewards,* dan akses kepada kempen terkini – dengan lebih banyak fungsi akan datang tidak lama lagi.

   Kedua-dua aplikasi ini memberikan pengalaman perbankan yang lebih lengkap dan mudah.

6. **Adakah promosi BSN akan tersedia pada kedua-dua myBSN dan BSN eWallet?**

   Tidak. Promosi dan tawaran eksklusif BSN hanya akan tersedia melalui aplikasi mudah alih BSN eWallet. Untuk sentiasa maklum tentang kempen, ganjaran, dan promosi istimewa terkini, sila layari bahagian "Promosi" di dalam aplikasi BSN eWallet atau rujuk laman web rasmi BSN untuk kemas kini.

7. **Bolehkah aplikasi mudah alih BSN eWallet digunakan pada peranti Android, iOS dan Huawei?**

   Ya. BSN eWallet tersedia pada peranti Android, iOS, dan Huawei. Anda boleh memuat turun aplikasi ini daripada Google Play Store (Android), Apple App Store (iOS), atau Huawei AppGallery (Huawei) dan mula menikmati ciri-cirinya pada bila-bila masa, di mana sahaja.

8. **Apakah keperluan minimum peranti mudah alih untuk menggunakan BSN eWallet dan perkhidmatannya?**

   Bagi memastikan pengalaman yang selamat dan lancar, peranti anda mestilah memenuhi keperluan berikut:

   - Peranti tidak boleh di-"*root*" atau di-"*jailbreak*".
   - Sambungan internet yang stabil diperlukan.
   - Peranti mestilah menggunakan iOS 16.0 atau ke atas, Android 11.0 atau ke atas, HarmonyOS 2.0 atau ke atas.
   - Perlindungan kunci skrin (Kata Laluan, PIN, Corak, atau Pengesahan Biometrik) mestilah diaktifkan pada peranti.

   Keperluan ini membantu melindungi akaun anda dan memastikan aplikasi BSN eWallet berfungsi dengan selamat dan optimum.

1.2. Maklumat BSN eWallet

1. **Apakah yang akan berlaku kepada akaun dan ciri perbankan saya di myBSN jika saya memuat turun BSN eWallet?**

   Akaun myBSN sedia ada dan ciri-ciri perbankan anda akan kekal tidak berubah. Anda boleh terus menggunakan kedua-dua myBSN dan BSN eWallet secara serentak, memandangkan setiap aplikasi mempunyai tujuan yang berbeza dan menawarkan ciri-ciri unik untuk meningkatkan keseluruhan pengalaman perbankan dan gaya hidup anda.

2. **Saya tidak mempunyai akaun BSN. Bolehkah saya memuat turun BSN eWallet?**

   Ya, boleh. Aplikasi BSN eWallet tersedia untuk dimuat turun melalui Apple App Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery. Jika anda belum mempunyai akaun BSN, anda perlu membuka akaun BSN terlebih dahulu bagi membolehkan anda mendaftar myBSN dan menikmati perkhidmatan yang ditawarkan melalui BSN eWallet.

3. **Apakah yang akan berlaku jika ID log masuk saya dikunci apabila saya cuba log masuk ke BSN eWallet?**

   Jika ID log masuk anda terkunci, sila pilih “Lupa Kata Laluan” dalam aplikasi BSN eWallet untuk menetapkan semula kata laluan anda dan membuka kunci akaun.

4. **Bolehkah saya log masuk ke BSN eWallet jika saya hanya mempunyai akaun myBSN?**

   Ya. BSN eWallet menggunakan maklumat log masuk sama seperti akaun myBSN anda. Anda hanya perlu log masuk menggunakan nama pengguna dan kata laluan myBSN sedia ada untuk mengakses aplikasi ini.

5. **Berapakah bilangan peranti yang boleh saya pautkan pada BSN eWallet yang sama (iaitu nama pengguna)?**

   Bagi tujuan keselamatan, hanya satu peranti sahaja yang boleh dipautkan kepada akaun BSN eWallet anda pada satu-satu masa. Jika anda log masuk menggunakan peranti baharu, pautan peranti sebelumnya akan diputuskan secara automatik. Tempoh bertenang selama 12 jam akan dikenakan selepas pengaktifan berjaya sebelum anda dapat mengakses aplikasi sepenuhnya pada peranti baharu tersebut.

6. **Mengapakah saya menerima mesej ralat apabila memasukkan nama pengguna dan kata laluan saya semasa log masuk?**

   Jika anda menerima mesej ralat semasa log masuk, nama pengguna atau kata laluan yang dimasukkan mungkin tidak tepat atau tidak mengikut format yang diperlukan. Sila semak mesej yang dipaparkan pada skrin dan pastikan maklumat log masuk anda dimasukkan dengan betul. Jika anda masih menghadapi kesukaran, anda boleh menetapkan semula kata laluan menggunakan fungsi "Lupa Kata Laluan", berinteraksi dengan Bella (Chatbot Gen AI BSN), atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan BSN untuk bantuan lanjut. Kami sentiasa bersedia untuk membantu anda.

1.3. Keselamatan

1. **Saya tidak boleh melakukan sebarang transaksi melalui BSN eWallet. Apa yang patut saya lakukan?**

   Jika anda tidak dapat melakukan transaksi menggunakan BSN eWallet, sila cuba langkah-langkah penyelesaian masalah berikut:

   - Mulakan semula peranti anda dan cuba lakukan transaksi sekali lagi.
   - Semak sambungan internet anda dan pastikan anda disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi atau data mudah alih yang stabil.
   - Pastikan ruang storan peranti mencukupi. Jika storan anda hampir penuh, padamkan aplikasi, foto, video, atau fail yang tidak digunakan untuk mengosongkan ruang.
   - Bersihkan fail prapemproses (*cache*) dan data App Store, Google Play Store, atau Huawei

AppGallery anda.

- Nyahpasang (*uninstall*) dan pasang semula aplikasi BSN eWallet bagi memastikan anda menggunakan versi terkini.

Jika masalah berterusan, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di talian +603-2613 1900 untuk bantuan lanjut.

2. **Apakah ciri-ciri keselamatan yang ada pada BSN eWallet?**
Keselamatan anda adalah keutamaan kami. BSN eWallet dilengkapi dengan pelbagai ciri keselamatan untuk membantu melindungi akaun dan maklumat peribadi anda, termasuk:

- Peranti mudah alih hanya dipautkan kepada maklumat akaun BSN eWallet anda (cth, Nama Pengguna).
- Akses kepada perkhidmatan perbankan dilindungi oleh prosedur log masuk yang selamat menggunakan imej keselamatan bagi memastikan aplikasi disambungkan ke laman rasmi BSN.
- Hanya 1 sesi log masuk dibenarkan bagi setiap akses BSN eWallet (cth, Nama Pengguna dan Kata Laluan tertentu). Jika akses BSN eWallet yang sama digunakan untuk log masuk dari peranti lain, sesi semasa akan ditamatkan secara automatik dan pautan akaun daripada peranti semasa akan diputuskan.
- Data sensitif seperti kata laluan atau maklumat transaksi akan dihantar melalui rangkaian awam menggunakan protokol selamat seperti SSL, TLS, dan HTTPS.
- Maklumat akaun yang sulit tidak akan disimpan pada peranti mudah alih.

3. **Apakah yang berlaku jika saya kehilangan telefon mudah alih saya?**
Jangan risau. Jika telefon mudah alih anda hilang atau dicuri, akaun BSN eWallet anda tetap dilindungi kerana maklumat sensitif akaun tidak disimpan pada peranti anda. Untuk keselamatan yang lebih terjamin, kami juga menyarankan agar anda tidak menyimpan kata laluan atau maklumat perbankan pada telefon anda.

Anda masih boleh mengakses akaun BSN eWallet anda melalui peranti lain menggunakan nama pengguna dan kata laluan myBSN anda. Walau bagaimanapun, sebagai langkah keselamatan tambahan, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di talian 03-26131900 dengan segera untuk memohon penggantungan sementara akses BSN eWallet anda bagi melindungi akaun daripada sebarang akses yang tidak dibenarkan.

4. **Bolehkah saya mengakses BSN eWallet semasa saya melancong ke luar negara?**
Ya, boleh. Anda boleh terus mengakses BSN eWallet semasa berada di luar negara selagi anda mempunyai sambungan internet yang aktif. Ini membolehkan anda mengurus transaksi dan menggunakan perkhidmatan yang tersedia dengan mudah, di mana sahaja anda berada.

Bagi memastikan pengalaman penggunaan yang lancar, kami mengesyorkan agar anda menyemak dengan penyedia perkhidmatan mudah alih anda mengenai caj perayauan antarabangsa (international roaming) dan penggunaan data yang mungkin dikenakan sebelum memulakan perjalanan anda.

2. Halaman Utama

1. **Bagaimanakah saya boleh mengakses semua ciri dari papan pemuka?**
   Sebaik sahaja anda berjaya log masuk ke BSN eWallet, anda boleh mengakses semua ciri yang tersedia terus dari papan pemuka. Hanya klik pada menu atau ikon perkhidmatan yang berkaitan untuk meneroka dan menggunakan ciri-ciri yang disediakan untuk anda.

2. **Apakah "Notifikasi"?**

   Notifikasi berfungsi sebagai peti masuk dalam aplikasi BSN eWallet yang memaparkan maklumat dan kemas kini penting daripada BSN. Melalui ciri ini, anda boleh melihat notifikasi berkaitan transaksi, peringatan keselamatan, pengumuman perkhidmatan serta promosi terpilih di satu tempat.
   Ini membantu memastikan anda sentiasa mendapat maklumat terkini walaupun anda terlepas notifikasi tolak (*push notification*) pada peranti anda.

3. **Apakah "BSNSecure"?**

   BSNSecure ialah ciri Pengesahan Pelbagai Faktor BSN yang menyediakan lapisan keselamatan tambahan apabila melakukan transaksi berkaitan kad. Ia membantu mengesahkan identiti anda dan melindungi akaun anda dengan memastikan hanya transaksi yang sah sahaja diluluskan.

4. **Apakah "Safe Switch"?**

   Safe Switch ialah ciri keselamatan yang membantu anda melindungi akaun dan kad anda dengan segera jika anda mengesyaki berlaku penipuan atau terdapat aktiviti yang mencurigakan. Dengan hanya mengaktifkan ciri ini, akses kepada akaun atau kad yang terjejas akan disekat sementara bagi mengurangkan risiko akses tanpa kebenaran.

   Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut atau ingin mengaktifkan semula akses akaun BSN eWallet anda, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di +603-2613 1900, dan kami sedia membantu anda.

5. **Apakah kempen dan promosi yang tersedia untuk pengguna BSN eWallet?**
   BSN menawarkan kempen eksklusif, ganjaran, dan tawaran promosi secara berkala untuk pengguna BSN eWallet. Untuk mengetahui promosi terkini, sila layari bahagian "Promosi" di dalam aplikasi BSN eWallet atau rujuk laman web rasmi BSN untuk butiran tawaran dan kempen semasa.

6. **Bagaimanakah saya akan diberitahu tentang kempen dan promosi baharu?**

   Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai kempen dan promosi terkini melalui aplikasi BSN eWallet. Bagi promosi terpilih, anda akan menerima notifikasi terus melalui aplikasi.

   Untuk memastikan anda sentiasa mendapat maklumat terkini dan tidak terlepas sebarang tawaran menarik, kami menggalakkan anda menyemak bahagian “Notifikasi” secara berkala atau mengunjungi bahagian “Promosi” dalam aplikasi BSN eWallet untuk melihat kempen dan promosi yang sedang berlangsung.

3. BSNSecure

1. **Bolehkah saya mengaktifkan BSNSecure pada dua peranti berbeza?**

   Tidak. BSNSecure hanya boleh diaktifkan pada satu peranti untuk setiap nama pengguna BSN eWallet pada satu-satu masa. Langkah keselamatan ini membantu melindungi akaun anda daripada akses yang tidak dibenarkan dan memastikan setiap transaksi hanya boleh diluluskan melalui peranti yang telah didaftarkan.

   Sekiranya anda ingin menggunakan BSNSecure pada peranti baharu, anda perlu mengaktifkannya semula pada peranti tersebut mengikut proses keselamatan yang ditetapkan.

2. **Adakah saya perlu mengaktifkan BSNSecure semula jika saya baru sahaja menukar kepada peranti baharu?**

   Tidak. Sebaik sahaja anda berjaya memautkan akaun BSN eWallet anda ke peranti baharu, BSNSecure akan diaktifkan secara automatik. Tiada proses pengaktifan berasingan yang diperlukan.

3. **Saya baru sahaja beralih kepada penyedia telekomunikasi baharu tetapi nombor mudah alih saya kekal tidak berubah. Adakah ini memberi kesan kepada tetapan BSNSecure saya?**

   Tidak. Penukaran penyedia perkhidmatan telekomunikasi tidak akan menjejaskan tetapan BSNSecure anda, kerana BSNSecure dipautkan kepada peranti dan akaun BSN eWallet anda, bukannya penyedia perkhidmatan telekomunikasi anda.

4. **Apakah yang berlaku jika saya menukar nombor mudah alih saya?**

   Penukaran nombor mudah alih anda tidak akan menjejaskan pengaktifan BSNSecure, kerana ciri tersebut dipautkan kepada peranti berdaftar anda. Walau bagaimanapun, bagi tujuan keselamatan dan komunikasi, kami mengesyorkan agar anda mengemas kini nombor mudah alih terkini anda dengan BSN bagi memastikan anda terus menerima notifikasi penting dan kemas kini berkaitan akaun.

5. **Bolehkah saya mengaktifkan BSNSecure pada peranti baharu jika saya kehilangan peranti mudah alih saya?**

   Ya. Jika anda kehilangan peranti mudah alih anda, anda boleh memautkan akaun BSN eWallet anda ke peranti baharu, dan BSNSecure akan diaktifkan secara automatik. Demi keselamatan tambahan, kami mengesyorkan agar anda menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN

di talian +603-2613 1900 dengan seberapa segera jika anda mengesyaki peranti anda yang hilang mungkin diakses oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

6. **Apakah perbezaan antara BSNSecure di myBSN dan BSN eWallet?**
   Walaupun kedua-dua ciri ini menggantikan makluman SMS dengan pengesahan digital yang selamat, ia berfungsi untuk platform dan jenis transaksi yang berbeza:
   - BSNSecure (BSN eWallet): Digunakan secara eksklusif untuk meluluskan **transaksi e-dagang**.
   - BSNSecure (myBSN): Digunakan untuk meluluskan semua **transaksi Perbankan Internet myBSN** (seperti e-SSP, pembayaran kad kredit, dan pindahan dana).

4. Fungsi Kad

1. **Bagaimanakah cara untuk melihat maklumat kad kredit/debit saya yang dikaburkan dalam BSN eWallet saya?**
   Untuk melihat butiran penuh kad anda, pergi ke halaman “Kad” dan pilih kad yang ingin anda lihat. Klik ikon ‘Tunjukkan’ di penjuru kanan sebelah atas skrin dan lengkapkan pengesahan yang diperlukan menggunakan kata laluan anda. Sebaik sahaja disahkan, maklumat kad anda akan dipaparkan dengan selamat.

2. **Bolehkah saya mengaktifkan kad kredit/debit saya dalam BSN eWallet?**
   Ya. Jika anda mempunyai kad dengan status “Menunggu Pengaktifan”, sila pilih kad tersebut dan klik “Aktifkan Kad”. Anda akan diminta untuk menetapkan PIN kad anda, dan selepas itu kad anda akan diaktifkan serta sedia untuk digunakan.

3. **Bolehkah saya menukar PIN kad kredit/debit saya dalam BSN eWallet?**
   Ya. Untuk menukar PIN kad anda, pilih kad yang berkaitan dan klik “Tukar PIN Kad”. Masukkan PIN sedia ada anda, cipta PIN baharu, dan hantar permintaan anda. Demi keselamatan anda, pilih PIN yang mudah untuk anda ingati tetapi sukar diteka oleh orang lain.

4. **Bolehkah saya mengemas kini tetapan kad kredit/debit saya (contohnya, had transaksi kad, kegunaan di luar negara, dll) dalam BSN eWallet?**
   Ya. BSN eWallet membolehkan anda mengurus tetapan kad anda dengan mudah pada bila-bila masa, di mana sahaja. Sila pilih kad anda, klik “Tetapan Kad”, buat perubahan yang diperlukan (seperti had transaksi atau tetapan penggunaan luar negara), dan pilih “Simpan” untuk menggunakan tetapan yang dikemas kini.

5. **Jika kad saya hilang atau dicuri, bagaimana saya boleh menyekat kad tersebut?**
   Jika kad anda hilang atau dicuri, anda boleh menyekatnya serta-merta melalui BSN eWallet untuk membantu mencegah transaksi tanpa kebenaran. Pergi ke halaman “Kad”, pilih kad yang terlibat, dan klik “Sekat Kad”. Pilih sebab yang sewajarnya (Hilang atau Dicuri) dan pilih “Sahkan” untuk melengkapkan proses. Jika anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di talian +603-2613 1900.

6. **Saya ingin memohon kad kredit tambahan, bolehkah saya memohonnya dalam BSN eWallet?**
   Ya, di halaman kad, pilih kad yang ingin anda mohon dan pilih “Permohonan Kad”. Selepas mengisi butiran yang diperlukan pada skrin, klik pada “Hantar” dan permohonan anda akan diproses.

7. **Saya perlukan sedikit masa untuk menyediakan dokumen yang diperlukan untuk permohonan kad kredit saya, tetapi saya tidak mahu kehilangan maklumat yang telah saya isi, apakah yang boleh saya lakukan?**
   Anda boleh memilih untuk menghantar permohonan kemudian setelah semua dokumen yang diperlukan tersedia. Pilih ‘Muat Naik Kemudian’ untuk menyimpan permohonan anda selama 14 hari. Jika permohonan tidak dihantar selepas 14 hari, draf permohonan yang disimpan akan dipadamkan secara automatik.

8. **Bagaimanakah saya boleh menyemak status permohonan kad kredit saya?**
   Anda boleh menyemak status permohonan kad anda di BSN eWallet. Pada halaman kad, pilih mana-mana kad dan pilih “Status Permohonan Kad”.

9. **Di manakah saya boleh menyemak transaksi dan penyata kad saya?**
   Anda boleh menyemak transaksi kad anda dengan mudah melalui aplikasi BSN eWallet. Hanya pergi ke halaman “Kad”, pilih kad yang berkaitan dan tekan “Sejarah Transaksi” untuk melihat butiran transaksi anda.
   Bagi Kad Kredit, anda juga boleh memuat turun e-Penyata terus melalui aplikasi untuk rujukan anda pada bila-bila masa.

5. Ganjaran

1. **Bolehkah saya melihat *Happy Points* saya dalam BSN eWallet?**
   Ya. Anda boleh melihat baki *Happy Points* terkini anda dengan mudah secara terus melalui aplikasi BSN eWallet, membolehkan anda menjejaki ganjaran anda pada bila-bila masa, di mana sahaja.

2. **Di manakah saya boleh mendapatkan *Happy Points* saya pada aplikasi?**
   Happy Points anda dipaparkan pada Papan Pemuka BSN eWallet dan juga boleh dilihat di bahagian “Ganjaran” untuk akses mudah.

3. **Adakah *Happy Points* dipaparkan serta-merta selepas transaksi dengan Kad Kredit BSN saya?**
   Happy Points biasanya akan dikreditkan dan dipaparkan dalam akaun anda pada keesokan harinya selepas transaksi berjaya. Sila ambil perhatian bahawa mata ganjaran hanya diberikan untuk transaksi yang layak dibuat menggunakan Kad BSN yang mengambil bahagian.

4. **Bolehkah saya menebus *Happy Points* melalui BSN eWallet?**
   Ya. Anda boleh menebus *Happy Points* anda dengan mudah secara terus melalui bahagian “**Ganjaran**” dalam BSN eWallet. Hanya semak pilihan penebusan yang tersedia dan ikuti arahan yang diberikan untuk melengkapkan penebusan anda.

5. **Adakah *Happy Points* yang akan tamat tempoh akan dipaparkan pada BSN eWallet?**
   Ya. BSN eWallet akan memaparkan *Happy Points* yang menghampiri tarikh tamat tempoh supaya anda dapat menyemak baki mata ganjaran dengan lebih mudah dan merancang penebusan sebelum mata tersebut tamat tempoh.
   Dengan cara ini, anda boleh menikmati ganjaran yang tersedia dan memastikan *Happy Points* anda tidak terlepas untuk ditebus.

6. **Adakah mata yang telah tamat tempoh masih ditunjukkan pada BSN eWallet?**
   Tidak. Setelah *Happy Points* tamat tempoh, mata tersebut akan dikeluarkan secara automatik daripada baki mata ganjaran anda yang tersedia.
   Untuk membantu anda mendapatkan manfaat sepenuhnya daripada *Happy Points* anda, kami menggalakkan anda menyemak baki mata secara berkala dan membuat penebusan sebelum tarikh tamat tempoh.

6. Akaun BSN eWallet

1. **Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat akaun BSN eWallet saya?**
   Anda boleh mengakses maklumat dan mengurus akaun BSN eWallet anda dengan mudah selepas log masuk ke aplikasi. Hanya pilih “Akaun” pada bar navigasi di bahagian bawah skrin untuk mengakses fungsi berkaitan akaun.
   Untuk melihat atau mengurus butiran peribadi anda, pilih “Profil Pengguna”.

2. **Bagaimana saya menukar PIN BSN eWallet saya?**
   Anda boleh menukar PIN BSN eWallet anda dengan mudah melalui aplikasi. Selepas log masuk, pergi ke “Akaun” dan pilih “Tukar PIN eWallet”.
   Masukkan PIN semasa, diikuti dengan PIN baharu anda, kemudian hantar permintaan untuk melengkapkan proses penukaran PIN.

3. **Jika saya terlupa PIN BSN eWallet saya, bagaimana saya dapatkan semula akaun saya?**
   Jika anda terlupa PIN BSN eWallet anda, pergi ke halaman “Akaun” dan pilih “Lupa PIN eWallet”. Anda dikehendaki mengesahkan identiti anda menggunakan kata laluan sebelum mencipta PIN baharu. Sebaik sahaja pengesahan berjaya, masukkan PIN baharu anda untuk melengkapkan proses penetapan semula PIN.

4. **Jika saya ingin menukar kata laluan saya atau terlupa kata laluan saya, bagaimana saya dapatkan semula akaun saya?**
   Jika anda terlupa kata laluan anda, pilih “Lupa Kata Laluan” daripada skrin log masuk dan ikuti arahan yang diberikan. Jika anda ingin menukar kata laluan anda, log masuk ke BSN eWallet, pergi ke halaman “Akaun”, dan pilih “Tukar Kata Laluan”.

5. **Saya ingin mengaktifkan fungsi biometrik untuk BSN eWallet saya, di manakah saya boleh mengemas kininya?**

Untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan log masuk biometrik, pergi ke halaman “Akaun” dan pilih “Akses Biometrik”. Sebaik sahaja diaktifkan, anda boleh mengakses BSN eWallet dengan mudah dan selamat menggunakan pengesahan biometrik yang disokong oleh peranti anda, seperti cap jari atau pengenalan wajah.

6. **Bagaimanakah saya memindahkan BSN eWallet saya ke peranti baharu?**
   Jika anda bertukar ke peranti baharu, log masuk ke BSN eWallet pada peranti semasa anda dan pergi ke “Akaun” > “Peranti Saya”. Pilih pilihan untuk memutuskan pautan peranti sedia ada anda, kemudian log masuk BSN eWallet pada peranti baharu anda menggunakan maklumat log masuk sedia ada. Bagi tujuan keselamatan, tempoh bertenang selama 12 jam akan dikenakan sebelum akses penuh diberikan pada peranti baharu tersebut.

7. Lain-lain

1. **Bagaimanakah saya menukar bahasa untuk aplikasi mudah alih BSN eWallet saya?**
   Anda boleh menukar bahasa pilihan anda pada bila-bila masa melalui salah satu daripada pilihan berikut:

   a) Halaman Log Masuk – Sebelum memasukkan nama pengguna myBSN anda, pilih bahasa pilihan anda daripada menu senarai turun (*dropdown*) yang terletak di sebelah kanan skrin.
   b) Halaman Akaun – Selepas log masuk pergi ke halaman “Akaun” dan pilih bahasa pilihan anda daripada menu senarai turun *(dropdown)* di penjuru kanan sebelah atas skrin.

   Bahasa yang anda pilih akan digunakan di keseluruhan aplikasi BSN eWallet.

2. **Di manakah saya boleh merujuk kepada terma dan syarat penuh BSN eWallet?**
   Anda boleh melihat Terma dan Syarat penuh BSN eWallet dengan memilih pautan yang disediakan dalam aplikasi atau melalui laman web rasmi BSN. Kami menggalakkan anda untuk menyemak Terma dan Syarat tersebut bagi memahami dengan lebih baik tentang ciri, perkhidmatan, dan keperluan penggunaan BSN eWallet.